



جایگزین شریعت کی جوہر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (41)
Takwim : 14 Safar 1446H
Tarikh : 19 Ogos 2024

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 4 TAHUN 2024**

**Permohonan Kebenaran Pernikahan Poligami
Bukan Warganegara Malaysia**

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat
Majlis Hakim-hakim Syarie Negeri Johor Bil. 3/2023 bertarikh 19 Disember 2023
bersamaan 24 Zulhijjah 1444H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima

pakai Arahan Amalan berhubung Permohonan Kebenaran Pernikahan Poligami Bukan Warganegara Malaysia sebagaimana berikut:-

1. Mana-mana lelaki bukan warganegara Malaysia yang telah berkahwin dan ingin berkahwin dengan mana-mana perempuan di mana-mana tempat di dalam Negeri Johor (selepas ini disebut sebagai 'lelaki tersebut') hendaklah mendapatkan perintah kebenaran pernikahan poligami dari Mahkamah Tinggi Syariah dalam Negeri Johor mengikut pemastautinan lelaki tersebut.
2. Jika lelaki tersebut tidak bermastautin dan tidak tinggal di dalam Negeri Johor, maka permohonan kebenaran pernikahan poligami hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah dalam Negeri Johor di mana bakal isterinya bermastautin atau tinggal.
3. Jika lelaki tersebut bermastautin atau tinggal di mana-mana negeri di Malaysia dan telah mendapat perintah kebenaran pernikahan poligami dari Mahkamah Syariah dalam negeri tersebut, maka perintah tersebut bolehlah diendorskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam Negeri Johor dan diperlakukan seolah-olah perintah kebenaran pernikahan poligami telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam Negeri Johor.
4. Jika lelaki tersebut tidak bermastautin dan tidak tinggal dalam negeri Johor dan di mana-mana negeri di Malaysia tetapi telah mendapat perintah kebenaran pernikahan poligami daripada Mahkamah Syariah atau mana-mana pihak berkuasa agama di negara lain, maka perintah tersebut tidak boleh diendorskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam Negeri Johor. Lelaki tersebut hendaklah mendapatkan kebenaran pernikahan poligami dari Mahkamah Tinggi Syariah dalam Negeri Johor.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2024.



(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor